

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[TAMPIN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkara yang berkaitan dengan status kampus cawangan Universiti Malaya penyelidikan pertanian yang telah dimasukkan dalam pelan pembangunan daerah Kecil, Gemas. Sejauh mana pembangunannya telah dilakukan, apakah masalah yang dihadapi oleh Universiti Malaya dalam membangunkannya dan bilakah ia dapat diselesaikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Universiti Malaya telah memperolehi tanah di daerah kecil Gemas daripada Kerajaan Negeri Sembilan bagi membangunkan Pusat Pertanian Pintar di bawah Pusat Agrosains Gemas Universiti Malaya. Ia akan menyokong program pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan inovasi dalam Sains Pertanian. Kebenaran Merancang telah diluluskan oleh Majlis Daerah Tampin pada 24 Februari 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembangunan Pusat Agrosains Universiti Malaya, Gemas terbahagi kepada dua fasa iaitu :

**A. Fasa I :**

1. Melibatkan kerja-kerja awalan pembersihan tanah seluas 200 ekar, pemasangan pagar *cyclone* sepanjang 4.2 km, pembinaan kolam takungan 75,000 m<sup>3</sup>, kajian *Geo soil*, Pembinaan Telaga Tiub dan Pembinaan Kompleks Kontena sedang dalam proses pembinaan dan dijangka akan siap pada bulan Ogos 2020.
2. Sistem pengairan dan tanaman juga akan mula dilaksanakan pada tahun 2020 sebaik sahaja proses perolehan bagi skop kerja ini diselesaikan oleh pihak Universiti Malaya.

**B. Fasa II:**

1. Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM400,000.00 di bawah *Rolling Plan* Keempat RMKe-11 Tahun 2019 kepada UM untuk kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur di Pusat Penyelidikan UM Gemas Negeri Sembilan dengan kos keseluruhan berjumlah RM6.0juta.
2. Projek ini melibatkan kerja-kerja pembinaan jalan masuk dan jalan di dalam pusat pertanian, pembinaan bangunan utama yang akan menempatkan ruang pejabat, makmal, bilik seminar, bilik mesyuarat, bilik kakitangan dan bilik pasca-siswazah, pejabat ladang, stor ladang, garaj ladang dan pusat perniagaan tani.

Sekian, terima kasih.